

Ucapan : ADHO
403
22/80

UCHAPAN Y.B. ENCHE HUSSEIN ONN, MENTERI PELAJARAN MALAYSIA KAPADA PASOKAN YANG KE-30, AMERICAN PEACE CORPS VOLUNTEER TEACHERS, DI-PUSAT LATEHAN HARIAN, PULAU PINANG, PADA 3HB DISEMBER, 1970, PUKUL 2.15 ptg.

Enche Leo Moss, Pengarah American Peace Corps di-Malaysia,
Tuan Haji Hamdan, Ketua Pengarah Pelajaran,
Enche Kum Boo, Pengarah Rancangan In-Country,
Tuan2 dan Puan2 sekalian.

Banyak kali benar sudah saya mendengar berkenaan dengan Pasokan Sukarelawan Keamanan Amerika ini. Pasokan ini sudah terkenal di-negara ini khas-nya di-kawasan2 luar bandar di-mana kebanyakan Sukarelawan2 telah berkhidmat dan maseh berkhidmat.

Saya sangat2-lah bergembira kerana dapat berkenalan hari ini dengan Kumpulan Guru2 Sukarelawan Yang Ke-30. Kumpulan ini baharu sahaja menerima latehan-nya dan telah pun di-arah berkhidmat di-negara ini di-tempat2 yang memerlukan mereka itu.

2. Kebesaran sa-suatu negara itu bukan-lah di-ukor dari segi kekuatan tentera-nya; kebesaran-nya adalah tentang pengaruh dan kuasa-nya di-dalam membentok langkah2 bagi mendapatkan keamanan dunia dan menyumbangkan tenaga bagi menolong negara2 kechil yang sedang membangun iaitu negara2 saperti Malaysia. Negara2 kechil ini perlu mendapat sokongan di-dalam menjalankan usaha-nya mengikis kemiskinan dan kejahilan.

Kerosakan kapada kehidupan dan harta-benda manusia lebeh banyak di-akibatkan oleh manusia sendiri daripada benchana alam saperti ribut dan gerak-gempa. Ada dua jenis kerosakan; yang pertama ialah kerosakan yang berlaku mengikut masa dan yang lagi satu ialah di-sebabkan oleh tangan manusia sendiri. Di-antara kerosakan2 ini, kerosakan yang di-timbulkan oleh manusia-lah yang sangat2 menyedehkan. Seteru manusia yang terbesar sekali tersimpan di-dalam hati-nya.

3. Di-dalam beberapa tahun ini, Pasokan Sukarelawan Keamanan Amerika yang datang ka-Malaysia telah mempereratkan keadaan muhibbah dan persafahaman di-antara ra'ayat Amerika Sharikat dengan ra'ayat Malaysia. Mereka telah membawa dengan mereka daya-usaha yang penoh minat dan ketekunan, khas-nya dalam memberi khidmat mereka untok meninggikan darjah pelajaran anak2 kami. Selama ini perkhidmatan mereka patut di-puji; dengan itu kami menguchapkan terima kaseh kapada mereka itu.

Mereka itu telah memberi perkhidmatan mereka di-dalam kerja2 yang sangat2 kami perlukan terutama-nya di-dalam pengajaran mata2 pelajaran ilmu hisab dan ilmu sains khas-nya di-kawasan2 luar bandar. Mereka itu telah juga memperkembangkan rancangan sains dan ilmu hisab awalan di-dalam Bahasa Malaysia di-Sekolah2 Kebangsaan.

4. Selain dari Sukarelawan2 Amerika, kami juga telah menerima Sukarelawan2 United Kingdom, Kanada, Australia, Negeri Jepun dan Jerman. Sukarelawan2 dari negara2 tersebut telah juga memberi khidmat dan bantuan mereka. Oleh itu kami juga menguchapkan terima kaseh kami kapada mereka.

5. Sekarang saya ingin menyentoh berkenaan dengan hal2 yang berkaitan dengan tuan2 dan puan2 yang menjadi Sukarelawan dari Kumpulan Yang ke-30. Saya di-fahamkan bahawa tuan2 dan puan2 telah tamat menghadhiri suatu latehan yang intensif selama tiga bulan di-negara ini. Saya juga di-fahamkan bahawa tuan2 dan puan2 menghadhiri kursus2 yang nama-nya mungkin menakutkan saperti "High Intensity Language Training". Kursus ini adalah kursus Bahasa Malaysia; dan tuan2 dan puan2 di-ajar Bahasa Malaysia tujuh jam tiap2 hari selama beberapa minggu. Kursus ini kemudian di-ikuti dengan pelajaran Bahasa Malaysia lagi sabanyak empat jam sa-hari di-sepanjang masa yang berikutan di-dalam latehan tersebut. Tuan2 dan puan2 juga telah mengikuti kursus Pengajian Penyesuaian Kebudayaan (Cross Cultural Studies) dalam mana, saya di-fahamkan, tuan2 di-beri penerangan berkenaan dengan negara ini dan ra'ayat-nya.

Tuan2 dan puan2 harus telah mengetahui negara Malaysia ini terdiri dari ra'ayat yang berbilang asal keturunan-nya, ugama-nya dan asal kebudayaan-nya. Jadi sangat2-lah perlu bagi tuan2 dan puan2 memahami keadaan ini supaya tuan2 dan puan2 dapat menjalankan kerja dengan sabegitu baik. Hampir2 semua tuan2 dan puan2 akan bekerja di-kawasan2 luar bandar di-mana tuan2 dan puan2 akan berkenalan dengan orang2 yang lebeh sensitif terhadap perbuatan dan bawa'an yang berlainan kapada mereka khas-nya perkara2 yang berkaitan dengan ugama, kebudayaan dan adat isti'adat mereka.

6. Tuan2 dan puan2 semua mempunyai kelulusan akademik yang tinggi2 saperti Sarjana Muda Sastra (BA), Sarjana Muda Sains, Sarjana Sastra, Sarjana Sains dan Doktor Falasafah. Kebanyakan tuan2 dan puan2 maseh muda, iaitu baharu lebeh sadikit dari dua puluh dan tiga puluh tahun. Pengajian iktisas tuan2 dan puan2 ialah sama ada ilmu hisak, ilmu kimia atau fizik; tetapi tuan2 dan puan2 boleh pula mengajar perkara2 lain yang bukan mata pelajaran khas tuan2 dan puan2. Beberapa orang pula di-kalangan tuan2 dan puan2 yang sudah berumah-tangga, dan saya sangat2-lah sukachita dan berterima kaseh kerana saya mendapat tahu bahawa isteri tuan2 telah membayangkan kapada kami semua bahawa mereka ingin memberi khidmat mereka dengan sukarela-nya untuk menjalankan kerja2 kemasyarakatan, kesihatan dan lain2 lagi. Tuan2 telah pun di-tempatkan di-beberapa rantau daerah di-Malaysia Barat dan Sabah.

Saya ingin menyatakan khas berkenaan salah sa-orang Sukarelawan wanita. Beliau ialah Che Hedwig Zorb. Saya samemang tahu bahawa sa-saorang wanita itu sangat sensitif berkenaan dengan umur-nya. Tetapi kali ini, wanita yang saya maksudkan itu berbangga pula sekira-nya saya sebutkan umur-nya. Che Hedwig Zorb berumor 70 tahun; tetapi ia maseh jelita; rupa-nya, kesihatan-nya, kechergasan jasmani dan otak-nya tidak dapat membayangkan umur-nya. Saya sendiri tidak dapat mengakui diri saya lebeh baik keadaan-nya dari beliau, sekurang2-nya dari segi kechergasan jasmani, sabagaimana yang tuan2 dan puan2 saksikan; saya memakai bengkong (corset) hari ini supaya saya dapat dudok dengan betul. Saya di-beritahu bahawa Che' Zorb memprotes kerana di-tempatkan di-bandar. Ia lebeh suka dudok di-ulu, iaitu jauh ka-luar bandar. Berikutan dengan kehendak-nya ini,


beliau telah di-tempatkan di-Grik, iaitu suatu daerah di-negeri Perak yang bersempadankan negeri Thai. Grik, sabagaimana beliau kehendaki, cukup-lah jauh-nya dari bandar. Beliau tertarek khas di-dalam pengajaran ilmu hisab tetapi boleh juga mengajar ilmu fizik dan ilmu kimia. Saya ingin menyampaikan rasa bangga dan terima kasih negara saya kepada Che Zorb kerana ketabahan, "dedication" dan khidmat-nya. Saya yakin negara pun bangga sekali dengan pun sebagai warganegara-nya sapertimana negara saya berbangga dengan pun.

7. Saya mengucapkan tuan2 dan puan2 sekalian maju jaya di-dalam segala lapangan yang pun jalankan. Saya berharap tuan2 dan puan2 berasa puas hati kerana dapat ka-negara kami di-saat mana kerja tuan2 dan puan2 itu sangat2 di-perlukan-nya. Tuan2 dan puan2 akan mendapati orang2 Malaysia ingin berbaik2 dan suka beramah-tamah. Tuan2 dan puan2 akan gemar kepada mereka setelah berkenalan dengan mereka. Mereka juga akan gemar kepada tuan2 sebaik sahaja tuan2 dan puan2 memberi kepercayaan kepada mereka.

8. Akhir-nya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan2 yang berkenaan, sama ada dari Amerika atau Malaysia, yang telah menyumbangkan kegiatan yang terpuji dalam menjalankan kerja berkaitan dengan ranchangan latehan ini. Mereka itu menyelenggarakan kerja yang sabagitu sukar tetapi dengan penuh kejayaan.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

3hb Disember, 1970.





No Siri	4
No Penerimaan	4/80